

Peningkatan harga air ‘ajar’ cintai sungai

BH 1/11/06.

BARU-BARU ini sebuah akhbar tempatan mendedahkan 400 sungai di Malaysia dalam keadaan teruk tercemar. Puncanya tidak lain tidak bukan disebabkan sikap manusia yang mencemarkan sungai dengan sampah sarap, sisa toksik dari kilang, sisa kumbahan manusia dan haiwan, bahan buangan hasil pembalakan, pertanian dan pencero rohan hutan di sepanjang sungai.

Pandangan pakar alam sekitar dan kejuruteraan air mengenai status sungai yang amat membimbangkan itu sepatutnya menyedarkan kita semua bahawa segala usaha mendidik rakyat untuk mencintai sungai sebagai sumber utama bekalan air selama ini tidak berjaya.

Saya terbaca dalam akhbar tempatan beberapa bulan dulu mengenai program Briged Penyelamat Sungai anjuran Puncak Niaga (M) Sdn Berhad yang mendidik pelajar sekolah rendah di Selangor, Putrajaya dan Kuala Lumpur supaya mencintai sungai dan jangan mencemarkan sungai sejak pada peringkat bangku sekolah lagi.

Kita berharap golongan pelapis generasi muda ini akan lama kelamaan dapat menyemai kecintaan terhadap sungai. Namun, mungkin hasrat ini menjadi terlambat kerana jumlah mereka yang mencemarkan sungai terlalu banyak.

Cuba kita renung sejenak, mungkin ada kebbaikannya kadar harga air

dinaikkan sedikit sekurang-kurangnya untuk menyedarkan pengguna bahawa sumber air semakin pupus akibat pencemaran dan juga pembaziran.

Bila usaha ‘memujuk’ dan merayu pengguna gagal menyedarkan mereka bahawa sumber air atau sungai perlu dipulihara, maka akhirnya langkah meningkatkan harga air mungkin dapat menyelamatkan keadaan daripada terus bertambah buruk dengan kepupusan bekalan air untuk kegunaan harian.

‘Bila terantuk, baru nak tengadah’. Kita bimbang krisis bekalan air yang bakal melanda kerana sikap tidak prihatin masyarakat terhadap kejer nihan dan kebersihan sungai.

Dalam pada itu, ada berita mengenai pihak tertentu cuba menghalang Syabas daripada terus berperanan aktif menggantikan paip usang dan memperbaiki kebocoran paip yang kerap menyusahkan pengguna air di Lembah Kelang. Tindakan itu dilihat boleh menyulitkan penyelesaian pengguna di kawasan ter babit.

Janganlah dibiarkan kemelut ini berlarutan kerana ini boleh menjejaskan keharmonian dan ketenteraman hidup rakyat dan membawa implikasi buruk terhadap kerajaan yang kita pilih.

AKU CINTA SUNGAI,
Palm Springs, Kota Damansara.